

THE BIG QUESTION OF NATURE & HUMAN EXISTENCE FROM THE PERSPECTIVE OF THE SCIENCE OF TAUHIDIC, BETWEEN ISLAMIC SCHOLAR & TEACHERS: A CASE STUDY IN A NATIONAL SCHOOL IN KAJANG SELANGOR

PERSOALAN BESAR KEWUJUDAN ALAM & MANUSIA DARI PERSPEKTIF SAINS TAUHIDIK, ANTARA SARJANA ISLAM & GURU: KAJIAN KES DI SEBUAH SEKOLAH KEBANGSAAN DI KAJANG SELANGOR

Khairi Jalalluddinⁱ & Roziah Sidik @ Mat Sidekⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Islam, Bangi; Pelajar PhD, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). p107659@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Jabatan Tamadun Islam dan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam UKM; Fellow Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). roziah@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>One of the biggest questions in modern science that is still being discussed today is related to the existence of nature and man, which is trying to deny the divine element in the creation of both. The infectious understanding of secularism to date has led to the disharmony of the relationship between science and Islam, as well as disrupted the process of integration of both, especially in the field of education. A study found that there are teachers who are unable to connect faith and science and vice versa. Thus, this study will analyse 1) the views of Islamic scholars and 2) the teacher's perception on the question of the existence of nature and man. This is to see the extent of the teacher's understanding regarding the integration of science and Islam in this issue. This case study also uses a mixed method approach by analysing documents, interviews, and questionnaires through Google Forms and WhatsApp applications. Respondents were comprised of 9 science teachers and 2 Islamic religious education teachers (PAI) at a national school in Kajang, Selangor. The findings show that the majority of Islamic scholars support the theory of the existence of nature (The Big Bang Theory), while minorities support the theory of human existence (Darwin's Theory of Evolution). There were also a few of the respondents who rejected both theories of existence. However, they are divided on integrating science with Islam in schools as opposed to Islamic education with science due to the condition of non-Muslim students. In conclusion, there are differences of opinion among Islamic scholars and teachers on the issue of the existence of nature and man as well as the relationship of science with Islam. It is suggested that further large-scale studies be done to be generalized so that the integration model of nature, man, and God can be applied in the field of education.</i></p> <p>Keywords: Nature, Integration, Islam, Man, Science.</p>
Abstrak	<p><i>Persoalan besar dalam sains moden yang masih dibincangkan sehingga kini ialah berkaitan dengan kewujudan alam & manusia yang cuba dinafikan unsur ketuhanan dalam penciptaan kedua-duanya. Fahaman sekularisme yang menular sehingga kini menyebabkan ketidakharmonian hubungan antara sains dan Islam serta mengganggu-gugat proses pengintegrasian kedua-</i></p>

duanya khususnya dalam bidang pendidikan. Kajian mendapati terdapat guru yang tidak berupaya menghubungkan akidah dan sains, begitu juga sebaliknya. Justeru, kajian ini akan menganalisis 1) pandangan sarjana Islam dan 2) persepsi guru berkaitan persoalan besar kewujudan alam & manusia. Hal ini untuk melihat sejauh mana kefahaman guru berkaitan integrasi sains dan Islam dalam isu tersebut. Kajian kes ini juga menggunakan pendekatan campuran (*mixed method*) dengan menganalisis dokumen, temu bual dan soal selidik melalui aplikasi Google Form dan WhatsApp. Responden terdiri daripada 9 orang guru sains dan guru pendidikan agama Islam (PAI) di sebuah sekolah kebangsaan di Kajang, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan majoriti sarjana Islam menyokong teori kewujudan alam (*The Big Bang Theory*), manakala minoriti menyokong teori kewujudan manusia (*Darwin's Theory of Evolution*). Adapun responden dari kalangan guru, kesemua mereka menolak kedua-dua teori kewujudan tersebut. Walau bagaimanapun, mereka berbelah bahagi dalam mengintegrasikan sains dengan Islam di sekolah, berbanding pendidikan Islam dengan sains kerana faktor keberadaaan murid non muslim. Kesimpulannya terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana Islam dan guru dalam isu kewujudan alam & manusia serta hubungan sains dengan Islam. Dicadangkan kajian lanjut berskala besar dilakukan untuk digeneralisasikan supaya model integrasi alam, manusia dan Tuhan dapat diaplikasikan dalam bidang pendidikan.

Kata kunci: Alam, Integrasi, Islam, Manusia, Sains.

PENDAHULUAN

Kenapa isu penciptaan alam dan manusia dibicarakan dalam kajian ini? Pertama, banyak persoalan besar (*Big questions*) berkaitan perkara tersebut masih dibincangkan dalam sains moden masa kini (Billingsley, 2020) dan dalam masa yang sama ia merupakan dua elemen asas dalam Sains Tauhidik (Khalijah, 2014). Kedua, perbincangan alam dan manusia ini juga sudah tidak asing lagi pada ketika ini, kerana kanak-kanak seawal sekolah rendah telah didedahkan dengan hal sedemikian, malah nama subjek ini juga telah dikenali sebagai Alam dan Manusia sekitar tahun 90-an (Nurazidawati, 2019). Ketiga, persoalan besar ini juga berkait rapat dengan akidah Islam, kerana ia merupakan hujah-hujah rasional yang digunakan dalam kitab turath untuk membuktikan kewujudan Tuhan dalam bidang akidah Islam (Abdul Ghani et al., t.th).

Selain itu, usaha menyebarkan fahaman saintisme masih berterusan dan boleh mencetuskan kekeliruan dalam masyarakat awam seperti kenyataan Stephen Hawking yang menyatakan bahawa tiada campur tangan Tuhan dalam menjadikan alam semesta ini sebelum berlaku peristiwa Letupan Besar atau *Big Bang* (Murray, 2018).

"Time didn't exist before the Big Bang so there is no time for God to make the universe in"....and it's my view that the simplest explanation is that there is no God".

Begitu juga dalam isu kewujudan Nabi Adam a.s lawan teori evolusi Darwin yang masih dibincangkan sehingga kini (Shoib, 2021). Dua teori sains yang masyhur dan kontroversi ini menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana Islam masa kini. Justeru, teori-teori ini dipilih dalam kajian ini bagi melihat bagaimana sarjana Islam dan guru menghubungkan akidah atau tauhid dengan sains dalam isu tersebut.

Kenapa perbincangan kajian ini dilihat dari perspektif konsep Sains Tauhidik atau sains yang berteraskan tauhid? Hal ini kerana sejak berlakunya Renaisans sekitar abad ke-15 Masihi, ilmu sains telah diacu oleh para saintis Barat yang berfahaman sekularisme sehingga memisahkan sains dengan agama (Mohd Yusof, 2009). Fahaman ini hakikatnya berpunca daripada perbalahan antara pihak gereja dengan para saintis pada ketika itu yang

akhirnya menolak segala elemen yang bersangkutan-paut dengan ajaran Kristian (Mohd Yusof, 2009). Tindakan mereka ini pada asalnya bertujuan bagi membolehkan aktiviti penyelidikan sains tidak diganggu-gugat oleh pihak gereja. Sungguhpun demikian, terdapat segelintir saintis Barat pada masa lalu yang masih berpegang dengan ajaran Kristian seperti Isaac Newton (Steven, 2011). Selain itu, terdapat juga usaha-usaha mengintegrasikan sains dengan agama pada masa kini. Hal ini didedahkan oleh Ramli et al. (2012) berkaitan pengintegrasian semula sains dengan Kristian dalam pelbagai bidang, termasuk bidang pendidikan di peringkat antarabangsa oleh *Centre for Theology and Natural Science* di California pada tahun 1982. Pada ketika ini, terdapat satu projek penyelidikan pendidikan yang cuba mengharmonikan antara sains dengan agama seperti yang telah diusahakan oleh *Learning About Science And Religion Institute (LASAR)* yang berpusat di *Canterbury Christ Church University* di United Kingdom (UK) (Billingsley, 2020), namun kesemua projek ini berasaskan kepada ajaran Kristian.

Justeru, peranan Sains Tauhidik atau sains yang berteraskan tauhid dalam bidang pendidikan perlu diperkasakan di Malaysia sebagai langkah kesinambungan untuk mengintegrasikan pendidikan sains dengan fahaman akidah ketuhanan dalam Islam. Bahkan, Khalijah (2014) berpendapat kandungan subjek sains perlu dimodifikasikan supaya elemen ketuhanan dapat diserapkan dalam kurikulum kebangsaan di negara kita. Menurut Yusof (2020), pendekatan Sains Tauhidik ini belum diaplikasikan di sekolah-sekolah dan Universiti Awam (UA). Sungguhpun demikian, terdapat beberapa pendekatan integrasi lain yang telah berjalan di Malaysia khususnya di sekolah milik kerajaan negeri, badan berkanun dan swasta. Ia dimulai dengan Model Pendidikan Bersepadu oleh Tajul Ariffin Nordin pada tahun 80-an sehinggalah kewujudan Model Pendidikan Sains Tauhidik sebagaimana jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Model dan Modul Pendidikan Bersepadu (Integrasi)


Bil	Model dan Modul	Pencetus/Pelaksanaan	Pendekatan
1.	Model Pendidikan Bersepadu	Tajul Ariffin Noordin	Teoritikal
2.	Model Pembangunan Insan Sains	Norhayati Alwi	Teoritikal
3.	Kurikulum Islamik Bersepadu	Solehah & Rahimah	Praktikal
4.	Pedagogi Hikmah	Rosnani Hashim	Praktikal
5.	Silibus Imtiaz	Terengganu & Kelantan	Praktikal
6.	Model Dirayah	Jabatan Agama Islam Pahang	Praktikal
7.	Kurikulum Sekolah al-Amin	IKRAM	Praktikal
8.	Kurikulum Integrasi & Holistik	Jabatan Agama Islam Selangor	Praktikal
9.	Model Ulul Albab	Terengganu	Praktikal
10.	Pendidikan Sains Tauhidik	Khalijah Mohd Salleh	Teoritikal

Sumber: Zainun Mustafa et al. (2015)

Sains Tauhidik

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, Sains Tauhidik secara ringkas ialah sains berteraskan tauhid yang bertujuan untuk mengislamisasikan ilmu sains (Mohd Yusof, 2014). Lawan kepada Sains Tauhidik ialah Sains Sekular (Nur Asyikin et al., 2017). Istilah Sains Tauhidik terdiri daripada dua perkataan iaitu sains dan tauhid yang kedua-duanya mempunyai makna yang luas jika dibincangkan dalam artikel ini. Walau bagaimanapun, Khalijah (2010) menjelaskan istilah tersebut bermaksud sains yang diintegrasikan dengan konsep ketuhanan dan mempunyai lima entiti iaitu (Allah, manusia, alam, al-Quran dan sunnah). Daripada kerangka konsep ini, Mohd Yusof (2017 & 2019) pula telah memperkenalkan kerangka Sains Tauhidik sebagaimana rajah 1 yang menyatakan terdapat empat perhubungan di dalamnya iaitu: 1) perhubungan antara manusia dengan Allah swt, 2) perhubungan antara sesama manusia, 3) perhubungan antara manusia dengan alam dan 4) perhubungan antara alam dengan Allah swt. Huraian lanjut berkaitan hubungan antara empat perkara tersebut boleh dirujuk dalam buku-buku karangan beliau. Ini bermakna kerangka Sains Tauhidik melihat atau membincangkan hubungan antara alam, manusia dan

Tuhan, sedangkan kajian ini membicarakan isu peranan Tuhan dalam kewujudan alam dan manusia yang dinafikan melalui teori-teori Sains Sekular.



Rajah 1: Kerangka Sains Tauhidik

SOROTAN KAJIAN

Kajian-kajian terdahulu berkaitan isu kewujudan alam dan manusia telah dilakukan secara berasingan dan terpisah antara satu sama lain (Nor Azizah, 1997, Faizah, 2003, Hanley, 2012 & Ab Halim, 2013). Selain itu, ia tidak dikaitkan dengan bidang pendidikan yang boleh menyebabkan hubungan antara isu tersebut tidak berkesinambungan di peringkat perbincangan sarjana Islam di peringkat pengajian tinggi dengan peringkat pelaksanaan khususnya di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun terdapat kajian yang telah dijalankan di UK oleh Billingsley (2004) membicarakan hubungan sains, agama dan pendidikan. Kebanyakan isu yang dikaji berkaitan dengan kewujudan alam dan manusia serta kaitannya dengan ketuhanan yang dinamakan sebagai persoalan besar dalam sains (Billingsley, 2020). Antara kajian lain di dalam negara berkaitan hal tersebut, seperti kajian berkaitan integrasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan al-Quran serta nilai dan akidah dalam sains Islam (Mohd Arip, 2000, Norhayati, 2002, Rozita, 2015, Zetty, 2016, Aulia, 2019 & Norazidawati 2019). Namun, sebagaimana yang telah dinyatakan pendekatan-pendekatan tersebut khususnya Sains Tauhidik belum dibincang dan dilaksanakan secara tuntas khususnya di sekolah kebangsaan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (Mohd Yusof, 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan sebelum ini, timbul beberapa persoalan khusus, apakah permasalahan tersebut berlaku di sekolah? Sama ada di kalangan guru pendidikan agama Islam (PAI) atau guru sains. Hal ini kerana terdapat kajian lepas yang mencadangkan agar usaha menyepadukan sains dengan Islam ini hendaklah bermula di peringkat rendah atau sekolah kebangsaan (Sharina et al., 2017). Selain itu, laporan kajian penyelidikan daripada Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam (UIAM, IKIM & KPM) yang diketuai oleh Rosnani (2018) telah mendapati guru PAI kurang berupaya menghubungkan bidang akidah dengan sains, selain hanya segelintir sahaja dapat berbuat demikian dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Justeru, pengkaji menjangkakan isu yang sama turut membelenggu guru-guru yang mengajar subjek sains (Rabiatul Adawiyah, 2009). Kajian-kajian sebegini dalam bidang pendidikan telah dijalankan di UK dengan membicarakan isu kewujudan alam, manusia dan ketuhanan (Billingsley, 2020).

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

1. Menganalisis pandangan sarjana Islam berkaitan persoalan besar kewujudan alam dan manusia.
2. Menganalisis persepsi guru berkaitan persoalan besar kewujudan alam dan manusia dari perspektif Sains Tauhidik.

Berdasarkan objektif-objektif kajian tersebut, soalan kajian adalah sebagaimana yang berikut:

- i. Apakah persoalan besar kewujudan alam dan manusia dari perspektif sarjana Islam?
- ii. Apakah persepsi guru berkaitan persoalan besar kewujudan alam dan manusia dari perspektif Sains Tauhidik?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen seperti artikel, buku, tesis dan laporan bagi menjawab soalan kajian 1 (SK1). Manakala, set soal selidik dan temu bual digunakan bagi menjawab soalan kajian 2 (SK2). Soal selidik digunakan sebagai tinjauan awal ini menggunakan skala likert 5 mata (1 = sangat tidak setuju (STS), 2 = tidak setuju (TS), 3 = tidak pasti (TP), 4 = setuju (S) 5 = sangat setuju (SS), namun untuk memudahkan analisis dilakukan secara manual, mata 1 & 2 dijadikan sebagai 'tidak setuju (TS)', dan mata 4 & 5 dijadikan sebagai 'setuju (S)'. Terdapat satu soalan terbuka di akhir instrumen ini untuk melihat pandangan guru berkaitan hubungan sains dengan Islam dalam bidang pendidikan. Kajian ini dijalankan ke atas 9 orang guru (2 orang daripadanya ditemu bual) di sebuah sekolah kebangsaan di Kajang, Selangor dengan menggunakan aplikasi *Google Form* dan *WhatsApp*. Aplikasi ini dipilih kerana sesuai dengan situasi pandemik covid-19 ketika ini.

DAPATAN KAJIAN**1. Persoalan Besar Penciptaan Alam Dan Manusia Dari Perspektif Sarjana Islam**

Dapatan kajian pertama ini bagi menjawab SK1. Ia merangkumi pengenalan ringkas teori kewujudan alam (Teori *Big Bang*), teori kewujudan manusia (Teori evolusi Darwin) dan perbezaan pandangan sarjana Islam terhadapnya.

i. Teori Big Bang

Teori *Big Bang* bermaksud 'Letupan Besar' berdasarkan terjemahan Abd Khalik (2001). Secara ringkasnya, teori ini dikemukakan pada tahun 1927 oleh Georges Lemaître, seorang ahli astronomi berasal dari Belgium. Beliau telah menjelaskan bahawa kesemua jisim dan tenaga dalam alam semesta ini pada asalnya telah terperangkap dalam satu titik tunggal '*singularity*'. Kemudian, ketumpatan dan kepanasannya berada pada tahap infiniti menyebabkan ia meletup secara sendirinya dengan satu dentuman yang besar. Seterusnya ia mengembang pada kadar yang cepat serta menjauhi antara satu sama lain. Hal ini berlaku lebih 13 bilion tahun dahulu (Abd Khalik, 2001, Faizah, 2003, Zamir et al., 2017, Mohd Yusof, 2017a & Elizabeth 2022). Teori ini juga menyatakan jisim dan tenaga yang bertebaran ini mengalami proses penyejukan lalu membentuk debu-debu, planet-planet, bintang-bintang dan galaksi-galaksi di angkasa dan masih bergerak ke seluruh pelusuk alam sehingga hari ini (Faizah, 2003 & Danial, 2019).

ii. Teori Big Bang, Antara Penyokong dan Pengkritik

Di antara sarjana Islam yang menyokong teori ini ialah Ahmad Deedat, Zakir Naik, Zahglul al-Najjar, Naouman Ali Khan, Maurice Bucaille, Sayyed Hossein Nasr, Ali Jumu'ah dan lain-lain (H.M Rasjidi, 1978, Zahglul al-Najjar, 2007, Ahmad Deedat, 2013, Zakir Naik, 2014, Abu Iyaad, 2015, Zahglul al-Najjar, 2016, Jumu'ah, 2019 & Nouman, 2020). Antara hujah utama mereka ialah berpandukan surah *al-Anbiya'* ayat 30 dan surah *al-Zāriyat* ayat 47 yang menyatakan bahawa pada asalnya langit dan bumi ini bercantum (تلقا) atau secara

saintifiknya bermaksud dalam satu titik tunggal (*singularity*). Kemudiannya dipisahkannya (ففتقنهما) akibat kepanasan yang berada pada tahap infiniti. Setelah itu ia mengembang (للموسعون) menjauhi antara satu sama lain, lalu membentuk alam ini dengan teratur dan bersistem. Adapun golongan yang mengkritik teori ini antaranya ialah Mat Rofa (2017) dan Hisyam (2006) yang mengatakan istilah 'Letupan Besar' itu tidak tepat kerana ia menunjukkan keadaan kucar-kacir susunan jisim selepas letupan, sedangkan alam semesta ini dijadikan secara tersusun rapi (al-Qur'an. *al-Dhāriyat*: 47). Hal ini diperkuatkan lagi dengan hujah yang mengatakan tiada bunyi untuk mengesahkan letupan pada ketika itu, kerana udara dan zarah belum lagi wujud (Muhammad 'Izzat 2019). Terdapat beberapa hujah lain, antaranya teori *Big Bang* ini boleh merosakkan akidah kerana asal tujuan teori ini untuk menafikan peranan Tuhan. Ini berikutan teori ini mendakwa bahawa alam ini terjadi secara spontan mengikut hukum semula jadi (*law of nature*). Justeru, terdapat sarjana Islam yang menolak teori ini dan menyifatkan tafsiran ayat al-Quran berkaitannya tidak menepati tafsiran ulama muktabar. Mereka ialah al-Munjid (2016) dan al-Fauzan (2020).

iii. Teori Evolusi Darwin

Secara ringkasnya, teori evolusi ini menyatakan bahawa manusia berasal daripada spesies monyet. Ia telah diperkenalkan oleh seorang saintis dari England yang bernama Charles Robert Darwin pada tahun 1859 melalui dua bukunya yang berjudul *The Origin of Species* dan *Decent of Man and Selection* pada tahun 1871 (Abd Halim, 2013 & 2014, Engku Zaki et al., 2017, Mohd Yusof et al., 2018, Aas Siti Solichah, 2019 & Danial, 2019). Teori ini muncul daripada hasil pemerhatian terhadap pelbagai jenis haiwan yang terdapat di kepulauan Galapagos. Beliau membuat kesimpulan bahawa 'seleksi alam semulajadi' telah memilih beberapa ekor hominid (beruk besar purba Afrika) yang berevolusi sehingga mewujudkan beberapa generasi pengantara yang masih memiliki rupa beruk besar tersebut (Malek 2019). Generasi pengantara ini pula berevolusi secara perlahan daripada homohabilis (2.3-1.4 juta tahun), homoerectus (1.8-1.3 juta tahun), homo neanderthalensis (120,000-35,000 tahun) sehingga terjelma homosapiens (manusia moden) yang bermula 200,000 tahun hingga kini (Malek, 2019).

iv. Teori Evolusi Darwin, Antara Penyokong dan Pengkritik

Di antara sarjana Islam masa kini yang menyokong teori evolusi Darwin dalam bentuk Islamik ialah Ghulam Ahmad Pervez, Mahmud Muftic, Abu Majid al-Isfahani, H. Mustafa al-Mansuri, Hasan Husayn, Muhammad Iqbal, Inayatullah Mashriqi, Hossein al-Jisr, Ahmad Afzal, Israr Ahmad, Absar Ahmad, Suleyman Ates, Abd al-Sabur Shahin dan lain-lain (Abd al-Sabur, 1998, Abd Halim, 2013 & Usama et al., 2016). Hujah utama yang digunakan ialah Allah swt mencipta semua spesies kehidupan secara berevolusi berdasarkan perkataan (أطوار) dalam surah *al-Nuh* ayat 14 yang bermaksud kejadian manusia itu berperingkat-peringkat. Namun hujah yang paling jelas ialah daripada Abd al-Sabur Shahin ketika berdebat dengan Zahglul al-Najjar. Beliau telah berhujah dengan ayat 33 surah *Ali Imran* yang bermaksud Allah swt telah memilih Adam sebagai khalifah-Nya dan pemilihan (اصطفاء) itu sudah tentulah berlaku di kalangan spesies kehidupan manusia (Abd al-Sabur, 1998 & Zahglul al-Najjar, 2016).

Manakala, sarjana Islam yang mengkritik teori ini antaranya ialah Maurice Bucaille, Zahglul al-Najjar, Sayyed Hussein Nasr, Muzaffar Iqbal, Wahiduddin Khan, Harun Yahya, Adnan Ibrahim dan lain-lain (Bucaille 1994, Abd Halim, 2013, Usama et al., 2016 & Adnan Ibrahim, 2020). Antara hujah utama mereka ialah teori ini bertentangan dengan al-Quran yang mengatakan Adam a.s dijadikan dari tanah sama ada dari lumpur hitam, tanah liat, tanah kering secara langsung (*al-Qur'an. al-Rahman*: 14; *al-Rum*: 20; *al-A'raf*: 12) dan hadith sahih al-Bukhari (*kitab isti'zān, bab bada' al-salām. 5873*) yang mengatakan ketinggian Nabi Adam a.s setinggi 60 hasta iaitu bersamaan 27 meter. Selain itu, tiada bukti kukuh yang mengatakan homosapiens itu adalah Nabi Adam a.s. Begitu juga terdapat kajian terhadap struktur *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) yang membuktikan monyet *chimpanzee* mempunyai

48 kromosom, sedangkan manusia hanya 46 kromosom (Aas Siti Sholichah, 2019). Selain itu, berdasarkan fosil-fosil tubuh manusia terdahulu yang dijumpai, ia kelihatan lebih primitif daripada homosapiens, justeru mustahil Nabi Adam a.s sebagai khalifah di muka bumi ini berasal daripada golongan tersebut, kerana ia boleh merendahkan taraf kenabian (Nor Azizah, 1997 & Malek, 2019).

2. Persepsi Guru Berkaitan Persoalan Besar Penciptaan Alam Dan Manusia Dari Perspektif Sains Tauhidik

Dapatan kajian kedua ini bagi menjawab SK2. Ia merangkumi 6 bahagian dalam soal selidik. Iaitu bahagian A hingga F dan diakhiri dengan dapatan daripada temu bual bersama seorang guru PAI dan seorang guru sains.

- **Bahagian A:** Profil guru: Kajian ini dijalankan ke atas 9 orang guru. Dapatan menunjukkan bilangan guru yang berumur antara 40-50 tahun seramai 5 orang, manakala seorang responden berumur antara 50-60 tahun, selebihnya 3 orang berumur antara 30-40 tahun. Dari segi opsyen pula, responden dari kalangan guru sains lebih ramai iaitu 5 orang. Adapun responden dari kalangan guru PAI seramai 4 orang.
- **Bahagian B:** Pandangan umum guru berkaitan hubungan sains dengan agama Islam. Kesemua 9 orang guru bersetuju dengan pernyataan "Sains dengan agama Islam boleh dihubungkan dan saling memerlukan antara satu sama lain". Manakala pernyataan, "Jika fakta sains bertentangan dengan agama Islam, maka fakta sains itu perlu ditolak" mendapati seramai (7=S, 1=TP & 1=TS). Bagi pernyataan bahawa "Al-Quran banyak membicarakan perkara-perkara berkaitan dengan sains" mendapati (8=S & 1=TP). Adapun pernyataan "Akidah Islam bertambah kuat apabila fakta atau penemuan sains menepati ajaran al-Quran" pula mendapati kesemua (9=S). Ini bermakna majoriti responden berpandangan secara positif bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sains dengan Islam.
- **Bahagian C:** Pandangan guru berkaitan integrasi subjek sains dengan pendidikan Islam. Pernyataan "Saya berpendapat perlu diselitkan unsur akidah Islam dalam PdP bagi subjek sains" mendapat (6=S, 2=TP & 1=TS). Manakala pernyataan "Saya berpendapat perlu dimasukkan fakta sains dalam PdP subjek pendidikan Islam" pula mendapati (9=S). Dapatan ini menjelaskan bahawa responden tidak berbelah bahagi dalam mengintegrasikannya dalam subjek pendidikan Islam berbanding subjek sains. Adapun pernyataan "Saya berpendapat kurikulum sains dan kurikulum pendidikan Islam perlu diubah suai untuk mengintegrasikan sains dan agama dalam kedua-dua kurikulum tersebut" mendapati seramai (6=S, 2=TP & 1=TS). Bagi pernyataan "Saya berpendapat integrasi sains dan pendidikan Islam sukar dilakukan di sekolah kebangsaan kerana terdapatnya murid bukan beragama Islam" mendapati (5=S & 4=TS). Pernyataan "Saya berpendapat guru sains dan guru pendidikan Islam perlu diberi panduan atau modul tentang bagaimana cara mengintegrasikan sains dengan agama di sekolah kebangsaan" mendapati (8=S & 1=TP). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden berbelah bahagi untuk mengubah suai kurikulum, berkemungkinan isu kewujudan murid bukan Islam atau non muslim yang wujud dalam kelas sains, namun dalam masa yang sama majoriti responden bersetuju untuk diberikan modul dan panduan kepada para guru berkaitan integrasi antara dua subjek ini.
- **Bahagian D:** Pandangan guru berkaitan isu kewujudan alam dari perspektif Sains Tauhidik. Pernyataan "Alam ini terjadi dengan sendirinya tanpa campur tangan Tuhan sebelum berlakunya Letupan Besar" mendapati (8=TS & 1=S). Bagi pernyataan "Alam ini diciptakan tanpa arah tujuan dan kewujudannya secara semula jadi" telah mendapat (8=TS & 1=TS). Adapun pernyataan "Teori *Big Bang* boleh diislamisasikan dengan memasukkan unsur ketuhanan ke dalamnya" pula mendapat pandangan yang berbeza-beza iaitu (6=S, 2=TP & 1=TS). Pernyataan "Saya wajar menyentuh isu kejadian alam ini dalam PdP saya di kelas" mendapat seramai (8=S & 1=TP). Dapatan ini menjelaskan bahawa majoriti responden menolak teori *Big Bang* dan kejadian alam ini tanpa tujuan,

namun berbeza pandangan jika diislamisasikan teori tersebut. Majoriti responden juga bersetuju untuk menyentuh isu kejadian alam dalam PdP di sekolah.

- **Bahagian E:** Pandangan guru berkaitan isu kewujudan manusia dari perspektif Sains Tauhidik. Pernyataan bahawa “Adam ialah manusia pertama yang berevolusi dari kalangan spesies monyet (spesies pilihan)” mendapati (6=TS, 1=TP & 1=S). Manakala pernyataan “Teori evolusi Darwin yang menganggap manusia daripada monyet bersesuaian dengan fakta sains” mendapati (6=TS, 1=TP & 2=S). Pernyataan “Saya menerima konsep kejadian awal manusia daripada tanah (Nabi Adam)” mendapat (9=S). Bagi pernyataan “Saya wajar menyentuh isu kejadian manusia dari monyet di dalam PdP saya di kelas” pula mendapati (4=TS, 1=TP & 3=S). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti guru menolak teori evolusi Darwin, namun berbelah bahagi untuk menyentuh isu tersebut di dalam kelas.
- **Bahagian F:** Pendapat secara keseluruhan berkaitan isu hubungan sains dengan Islam dalam pendidikan di sekolah kebangsaan (soalan terbuka). Secara umumnya responden menyatakan keperluan untuk memahami murid berkaitan hubungan sains dengan Islam. Justeru, ada yang berpendapat keperluan kepada buku panduan untuk guru dalam mengaplikasikannya dalam bidang pendidikan. Terdapat dua orang guru yang berpandangan bahawa pendekatan secara berhemah perlu ada, jika terdapat murid non muslim, bahkan ada yang berpendapat pendekatan bersepadu ini bukan hanya untuk subjek sains sahaja, tetapi merangkumi semua subjek lain iaitu Matematik, Sejarah, Pendidikan Jasmani & Kesihatan, Muzik, Seni Visual, RBT & TMK dan Bahasa (Malaysia, Inggeris dan Arab) di sekolah kebangsaan. Namun, ada guru yang berpendapat elemen ketuhanan tersebut hanya diselitkan dalam topik-topik tertentu sahaja dalam subjek sains. Terdapat juga seorang guru yang menyatakan bahawa teori *Big Bang* dan teori evolusi Darwin tiada dalam silibus sains di sekolah kebangsaan.

Dapatan kajian daripada temu bual ini, boleh disimpulkan seperti berikut. Pertama, hubungan sains dan agama secara keseluruhan: Kedua-dua guru berpendapat bahawa hubungan sains dengan agama berkait rapat, saling melengkapi antara satu sama lain. Kedua, integrasi sains dan agama dalam bidang pendidikan: Guru PAI melihat bahawa perkara ini bukan isu baharu dan usaha telah ada untuk mengintegrasikannya, malah pendekatan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga mengarah kepada proses pengintegrasian ini. Berlainan pula dengan guru sains yang menyatakan bahawa integrasi antara sains dengan pendidikan Islam masih tidak menyeluruh. Ketiga, berkaitan teori *Big Bang*: Guru sains mengatakan beliau pernah mendengar teori ini, namun menolaknya kerana bertentangan dengan al-Quran, begitu juga guru PAI menolak teori ini dan berpendapat bahawa Letupan Besar itu hanyalah merujuk kepada hari Kiamat bukan teori *Big Bang*. Keempat, teori evolusi Darwin: Kedua-dua guru yang ditemu bual ini sepakat menolak teori evolusi kerana bertentangan dengan al-Quran dan hadith.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

1. Teori *Big Bang* & Evolusi Darwin: Antara Penyokong Dan Pengkritik

Daripada hujah-hujah yang ditonjolkan dalam mempertahankan pandangan masing-masing, dapat disimpulkan seperti berikut:

- i. Perbincangan antara sarjana Islam tersebut hakikatnya dalam lingkungan perkara cabang (فروع) iaitu berkaitan proses dan teori kejadian alam dan manusia yang bersifat fleksibel (مرونة) bukan berkaitan usul akidah yang boleh membawa kepada penafian peranan Allah s.w.t sebagai pencipta sebagaimana fahaman Sains Sekular. Justeru, perbincangan berkaitan perkara cabang ini tidak menyebabkan berlaku kemurtadan seseorang itu, apatah lagi menimbulkan isu pentakfiran kepada mana-mana kumpulan atau individu tertentu (Razali, 2020).
- ii. Perbezaan metode atau pendekatan yang digunakan oleh pihak penyokong dan pengkritik, dalam erti kata lain, apakah pendekatan al-Quran mengikut sains, atau sains mengikut al-Quran? Dalam hal ini terdapat dua golongan dalam membicarakan dua

teori kewujudan di atas iaitu golongan yang didakwa sebagai: (1) *Bucaillisme* yang menggunakan pendekatan untuk menjustifikasikan dan menserasikan antara hasil penyelidikan sains dengan al-Quran. Golongan kedua iaitu: (2) *Ulul al-Bab* yang menggunakan pendekatan al-Quran sebagai sumber rujukan kebenaran yang mutlak, walaupun teori dan fakta sains bercanggah dengannya (Mat Rofa, 2016 & Mohamad Nasrin et al., 2017). Pendekatan golongan pertama dilihat mempunyai risiko terhadap ajaran Islam daripada golongan kedua. Hal ini kerana jika tersilap langkah akan menyebabkan salah faham berlaku di kalangan orang awam khususnya apabila penemuan sains didapati bercanggah dengan *zāhir* ayat (ظاهر النص) al-Quran. Namun, pada hemat pengkaji pendekatan golongan pertama perlu dilihat secara positif kerana ia akan menggalakkan lebih banyak kajian dilakukan oleh saintis Islam untuk mencari kebenaran al-Quran, lalu menghilangkan pergantungan kepada penemuan saintis Barat selama ini. Sungguhpun wujud perbezaan pendekatan kedua-dua golongan tersebut, namun para sarjana Islam mempunyai matlamat yang sama iaitu mempertahankan Allah swt sebagai pencipta sekalian alam.

2. Teori *Big Bang* & Evolusi Darwin: Persepsi Guru Berkaitan Hubungan Sains & Islam

Dapatan dari soal selidik dan temu bual bersama responden sebelum ini, dapat disimpulkan seperti berikut:

i. Hubungan Sains Dan Agama Islam Dalam Bidang Pendidikan

Majoriti responden berpandangan secara positif bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sains dengan Islam. Dalam temu bual juga mendapati responden menyatakan bahawa usaha mengintegrasikannya telah wujud di sekolah, namun ianya tidak menyeluruh. Dalam pada itu, responden ada yang berbelah bahagi dalam mengintegrasikannya bagi subjek sains, berbanding subjek pendidikan Islam. Begitu juga responden berbelah bahagi untuk memodifikasikan kurikulum kebangsaan merujuk kepada isu terdapatnya murid non muslim dalam kelas subjek sains, namun dalam masa yang sama majoriti responden bersetuju untuk diberikan modul dan panduan kepada guru berkaitan bagaimana cara terbaik untuk mengintegrasikan antara dua subjek ini dengan mengambil kira kekangan dan cabaran yang dinyatakan tadi.

ii. Teori *Big Bang* Dan Teori Evolusi Darwin


Majoriti responden menolak teori *Big Bang* bagi kewujudan alam, mereka berbeza pandangan jika diislamisasikan teori tersebut. Namun majoriti bersetuju untuk menyentuh isu kejadian alam dalam kelas bagi membuka minda murid, sungguhpun tajuk tersebut tidak terdapat dalam silibus subjek sains di sekolah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti guru menolak teori evolusi Darwin, tetapi berbelah bahagi untuk menyentuh teori kewujudan manusia di dalam kelas. Hal ini kerana mereka menganggap teori evolusi ini secara total bertentangan dengan al-Quran dan hadith. Walau bagaimanapun, responden sewaktu ditemui, masih lagi mencadangkan supaya diwujudkan modul dan panduan untuk guru bagi mengaplikasikan integrasi pendidikan Islam khususnya akidah dengan sains, malah mengintegrasikan elemen ketuhanan dalam semua subjek di sekolah kebangsaan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil daripada dapatan kajian, perbincangan dan rumusan kajian, dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Sarjana Islam berbeza pendapat, pandangan dan pendekatan berkaitan isu kewujudan alam dan manusia berdasarkan teori-teori sains yang dibincangkan sebelum ini. Kebanyakan mereka menyokong teori *Big Bang* bagi kewujudan alam, namun hanya sebilangan kecil dari mereka yang menyokong teori evolusi Darwin bagi kewujudan manusia.

2. Perbincangan sarjana Islam berkaitan kewujudan alam dan manusia ini merupakan perkara cabang (فروع) yang dibolehkan berijtihad dalam hal tersebut. Ini adalah kerana, kesemua mereka beriman bahawa Allah swt adalah pencipta alam ini dan menjadikan al-Quran dan hadith sebagai sumber utama penghujahan mereka. Justeru, tidak sepatutnya isu ini dijadikan bahan untuk memecah-belahkan umat Islam.
3. Sebagaimana perbezaan pendapat berlaku dalam kalangan para sarjana Islam, begitulah juga terdapat perbezaan pandangan di kalangan guru-guru sekolah yang mengajar subjek sains dan pendidikan Islam. Walau bagaimanapun pendapat mereka juga dalam lingkungan keimanan kepada Allah swt sebagai pencipta. Malah kesemua responden di kalangan guru yang dikaji menolak kedua-dua teori kewujudan alam dan manusia ini.
4. Guru PAI dan guru sains dicadangkan berkolaboratif untuk mengintegrasikan subjek sains dan pendidikan Islam supaya unsur ketuhanan dapat diberi tempat dalam topik-topik sains, khususnya berkaitan alam dan manusia. Begitu juga kemahiran menghubungkan kaitkan fakta sains dengan bidang akidah dalam pendidikan Islam.
5. Justeru, pendekatan Sains Tauhidik perlu diaplikasikan secara serius dan konsisten di sekolah kebangsaan supaya pemikiran sains berteraskan tauhid ini dapat ditanam dalam jiwa dan minda kanak-kanak sejak kecil lagi. Sebagai contohnya memasukkan elemen ketuhanan dalam proses fotosintesis dalam subjek sains sebagaimana dalam rajah 2.



Rajah 2: Elemen Ketuhanan dalam Proses Fotosintesis

Cadangan Kajian Lanjutan

1. Dapatan kajian kes ini bersifat kualitatif dan tidak boleh digeneralisasikan. Justeru, dicadangkan kajian tinjauan dilakukan dengan sampel yang besar untuk tujuan tersebut.
2. Kajian terhadap kurikulum dan kandungan buku teks kedua-dua subjek bagi melihat topik dan sub topik yang sesuai untuk dimasukkan elemen ketuhanan. Ketiga: Membina model, modul dan panduan yang menyeluruh untuk guru-guru bagi mengaplikasikan elemen ketuhanan dalam semua subjek di sekolah kebangsaan.

RUJUKAN**Buku**

- Abdul Ghani Yahya & Umar Yusof. t.t. *Risalah Tauhid. Pindaan*. Patani, Thailand: Matba'ah bi Halabi.
- Abd. Khalik Sulaiman (Penterjemah). 2001. *Sejarah Ringkas Masa Dari Letupan Besar ke Lohong Hitam oleh Setphen Hawking*. Kuala Lumpur: DBP
- Abd al-Sabur Shahin. 1998. *Abi Adam, Qisah al-Khaliqah Bayna al-Usturah wa al-Khaqiqah*. Qaherah: Dar al-I'tisam.
- Abu Iyaad. 2015. *Big Bang Cosmology And The al-Quran. A Response to Muslim Apologist Employing Scientific Conjectures to Explain The Meanings of The al-Quran*. UK: Salafi Publications.
- Khalijah Mohd Salleh. 2014. *Sains Tauhidik & Implikasinya terhadap Pendidikan*. Dlm: Khalijah Mohd Salleh. Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid. Bangi: UKM.
- Malek Muhamat Said. 2019. *Konspirasi & Eksploitasi Saintis Barat Pseudosains Terhadap Asal Usul Kejadian Manusia*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Mat Rofa Ismail. 2016. *Bicarawara Sains Islam*. Selangor: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Mat Rofa Ismail. 2017. *Keajaiban Alam dan Ayat Al-Kauniyyah*. Dlm: Azizan Baharuddin & Norkumala Awang. Al-Quran & Sains, Pemetaan Rintis Penyelidikan. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Yusof Othman. 2009. *Sains, Masyarakat dan Agama*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dis. Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Othman. 2014. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: DBP
- Mohd Yusof Othman. 2017. *Sains Dalam Ekosistem Ilmu*. Kuala Lumpur: DBP
- Mohamad Nasrin Mohamad Nasir & Mohd Yusof Othman. 2017. *Al-Quran dan Sains: Penyelidikan di Universiti Tempatan- Kajian Kes di USIM dan UKM*. Dlm: Azizan Baharuddin & Norkumala Awang. Al-Quran & Sains, Pemetaan Rintis Penyelidikan. Kuala Lumpur: IKIM.
- Murray, John. 2018. *Brief Answers to The Big Questions*. UK: John Murray (Publishers).
- al-Najjar, Zahglul Raghil Mohemmad. 2007. *Tafsir al-Ayat al-Kawuniyyah Fi al-Quran al-'Azim*. Qaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah
- Ramli Awang, Zulkiflee Haron & Mohd Nasir Ripin. 2012. *Sains Tamadun Islam*. Johor Bahru: UITM.
- Rosnani Hashim, Mohd Farid Mohd Shahrani, Muhammad Zahiri Awang Mat, Nor Hartini Saari, Adnan Abdul Rashid, Ainol Madziah Zubairi, Cik Wan Roslili Abd Majid, Zambri Abdul Rahim, Afandi Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. 2018. *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam bagi Menghadapi Cabaran Masakini*. Kuala Lumpur: IKIM
- Shoaib Ahmad Malik. 2021. *Islam and Evolution. Al-Ghazali and The Modern Evolutionary Paradigm*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Steven E. Jones. 2011. *A Brief Survey of Sir Isaac Newton's View on Religion*. Salt Lake City: Religious Center, Brigham Young University.
- Usama Hasan & Athar Osama. 2016. *Muslim Responses to Science's Big Questions: Summary Report.in. Islam & Science*. London & Islamabad: Muslim World Science Initiative
- Zamir Mohyedin & Mohd S. Faiz. 2017. *Fizik-Lah!* Bandar Baru Bangi: Simptomatik Press.

Jurnal

- Aas Siti Sholichah. 2019. Teori Evolusi Manusia dalam Perspektif al-Quran. *El-Umdah Jurnal Ilmu al-Quran dan Tafsir* 2 (2):109-132
- Billingsley, Berry, Abedin, Manzoorul. & Nassaji Mehdi. 2020. *Primary School Students' Perspectives on Questions That Bridge Science and Religion*. British Education Research Journal 46 (1): 177-204

- Nur Asyikin Hamdan, Abdul Latif Samian & Nazri Muslim. 2017. *Pandangan Khalijah Salleh Terhadap Sains Tauhidik ke Arah Membangun Tamadun Melayu*. Jurnal Sains Insani, 2: 54-60.
- Razali Musa. 2020. *Perselisihan Antara Gerakan Al-Asya'irah dan Salafiyah: Analisis Pendekatan Ulama Ahl Sunnah wa Al-Jamaah*. Jurnal Peradaban Islam. 1(1): 82-110.
- Sharina Abu Hanifah, Faszly Rahim, Zanaton H. Iksan, Wan Nasyruddin Wan Abdullah, Normazida Rozi, Mohammad Faris Mohammad Esa, Ishak Ahmad, Rizafizah Othaman, Nurul Huda Abd Karim, Nurul Izzaty Hassan, Rozida Mohd Khalid & Azidah Baharom@Abd Aziz. 2017. *Pengintegrasian Sains Tauhidik: Persepsi Peserta*. The Malaysian Journal of Islamic Sciences, 43-60.

Tesis & Disertasi

- Abd Halim Ibrahim. 2013. *Harun Yahya dan Kritiknya Terhadap Teori Evolusi Darwinisme*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, UM.
- Aulia Rahman Zulkarnain. 2019. *Kesepaduan Ilmu Naqli & Aqli Dalam Pendidikan STEM: Kajian Status dan Faktor Keberadaan Nilai Islam Dalam Kursus STEM di UKM*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.
- Billingsley, Berry. 2004. *Ways of Thinking About The Apparent Contradictions Between Science and Religion*. PhD Thesis. University of Tasmania.
- Faizah Mat Juden @ Md. Yudin. 2003. *Teori Kewujudan Alam: Satu Kajian Perbandingan Di Antara Sains Moden dan al-Quran*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hanley, P. 2012. *The Inter-Relationship of Science and Religious Education in A Cultural Context: Teaching The Origin of Life*. PhD Thesis. Department of Education, University of York.
- Mohd Arif Kasmoo. 2000. *Pemantapan Akidah Menerusi Penghayatan Sains dalam al-Quran*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, UKM
- Nor Azizah Baharom. 1997. *Kejadian Manusia Berdasarkan Perspektif Wahyu dan Sains*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, FPI, UKM.
- Norhayati Alwi. 2002. *Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil dalam Pengajaran Sains*. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, UKM.
- Nurazidawati Mohamad Arsad. 2019. *Pembangunan dan Keberkesanan Modul STEM KIDS terhadap Literasi Saintifik, Efikasi Kendiri dan Nilai Murni bagi Topik Tenaga*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Rabiatul Adawiyah Ahmad Rashid. 2009. *Pengaruh Epistemologi Islam Terhadap Pembentukan Kepercayaan Guru-Guru Sains Muslim dan Amalan Pengajaran Mereka*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Rozita Che Mustapha. 2015. *Nilai Dalam Sains Islam*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, UKM.

Seminar & Konferens

- Bucaille, Maurice. 1994. *Asal Usul Manusia, Sains dan Kitab Suci*. Siri Syarahan Umum Bil.3, USIM
- Khalijah Mohd Salleh. 2010. *Pendidikan Sains Tauhidik: Ke Arah Pembentukan Jati Diri Kebangsaan*. Seminar Jati Diri 1 Malaysia Peringkat Kebangsaan di Masjid W.P K. Lumpur pada 12-13 Mac 2010.
- Mohd Yusof Othman. 2019. *Halatuju Sains Islam Dalam Mendepani 4IR*. Kolokium Sains Islam 2019. Anjuran IIS USIM di Dewan Senat, Aras 3, Bangunan Canselori USIM pada 14 November 2019.
- Mohd Yusof Othman. 2020. *Wacana Khas Peradaban Islam*. Institut Islam Hadhari UKM pada 3 Disember 2020 melalui aplikasi google meet jam 9.00 pg hingga 12.00 tengahari.

- Naouman Ali Khan.(2020). Big Bang and Revolution in the Quran?. The Thinking Muslim.
<https://www.youtube.com/watch?v=CjtDha4miAE> (1 Feb. 2020)
- Zainun Mustafa, Nooraida Yakob & Zolkofli Awang. 2015. *Model-Model Pendidikan Secara Islamik di Malaysia*. International Conference of Engineering Technology Vocational Education and Social Science dianjurkan dan bertempat di UPSI, Tanjung Malim pada 1-2 Disember 2015.

Internet

- Adnan Ibrahim. 2020. Adam The Whole Truth.
<https://www.youtube.com/watch?v=4mitMwTu38Y> (diakses pada 5 Februari 2020).
- Ahmad Deedat. 2013. God Existence Proven- The Big Bang Theory.
https://www.youtube.com/watch?v=ppSE-_ZNM-4 (diakses pada 1 Februari 2021).
- Elizabeth, Howell. 2022. What's The Big Bang Theory? <https://www.space.com/25126-big-bang-theory.html> (diakses 21 Ogos 2022).
- al-Fauzan, Soleh. 2020. al-Syeikh Soleh al-Fauzan Yaruddu 'ala Abd al-Daeim al-Kuhail - al-Ijaz al-Ilmi (al-Infijar al-Azim).
<https://www.youtube.com/watch?v=JUHGylA72sw&feature=youtu.be> (diakses pada 5 Februari 2021).
- Jumuah, Ali. 2019. Nazariyah al-Infijār al-Kabir.
<https://www.youtube.com/watch?v=2bE8oj1VKFE> (diakses pada 2 Februari 2021)
- Muhammad 'Izzat Mohd Zubir. 2019. Apa Itu Teori Letupan Besar (Big Bang)?
<https://ajar.com.my/2019/07/14/apa-itu-teori-letupan-besar-big-bang/#2>
 (diakses pada 19 Januari 2021).
- al-Munjid, Muhammad Soleh. 2016. Al-Infijar al Azim.
<https://www.youtube.com/watch?v=Ujc3Qvh2Q2Q&feature=youtu.be> (diakses pada 5 Februari 2021).
- al-Najjar, Zahglul Raghil Mohemmad. 2016. Hal Hunāka Basyar Qabla Adam?
<https://www.youtube.com/watch?v=0Y9j5y-KfEo> (diakses pada 5 Februari 2020).
- Zakir Naik. 2014. Qur'an and Modern Science Compatible or Incompatible
<https://www.youtube.com/watch?v=cPkDQvmDviQ> (diakses pada 1 Februari 2021)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.